



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN		
TARIKH	: 6/2/2017	MUKA SURAT	: 9
JABATAN	: NRE / BAUKSIT / JMG		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

3 LEMAS DALAM KOLAM BAUKSIT

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

→ LEMAS

Fakta nombor

2 METER

kedalaman kolam bekas lombong bauksit

200 METER

jarak kolam bekas lombong bauksit dari taman perumahan



Bapa mangsa, Mohd Sharif (kiri) bersama penduduk setempat menimbus bekas kolam lombong bauksit di Kampung Sungai Karang Darat, Kuantan semalam.

Arahan timbus tak diendah

→ Orang ramai masih bebas berkeliaran di lokasi ragut tiga nyawa kanak-kanak

Oleh Amin Ridzuan Ishak dan Nurul Nadira Shaari
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Sehari selepas kejadian tiga kanak-kanak lemas di kolam bekas lombong bauksit di Taman Sungai Karang Jaya, dekat sini, kelmarin, belum ada usaha menimbusnya atau memasang pagar seperti diarahkan Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Tinjauan BH ke lokasi kejadian mendapati orang ramai, termasuk kanak-kanak bebas berkeliaran di kawasan itu, seolah-olah kolam sedalam kira-kira dua meter yang meragut tiga nyawa itu tidak men-

datangkan bahaya.

Pengerusi Gerakan Rakyat Hentikan Pencemaran Bauksit (GERAM), Ali Akhbar Othman, berkata pihak bertanggungjawab sepatutnya mengambil langkah segera sebaik menerima arahan Tengku Abdullah susulan kejadian itu.

Tiada tindakan

“Setakat ini belum ada apa-apa tindakan. Kawasan ini masih seperti dua hari lalu, orang ramai bebas keluar atau masuk di sini.

“Ada sepasukan pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuantan datang meninjau kawasan ini, mungkin untuk melakukan siasatan berkaitan insiden semalam (kelmarin).

“Sepatutnya, pemilik tanah per-

lu ambil tindakan segera seperti memagar kawasan (kolam) ini bagi mengelak kejadian sama berulang,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di sini, semalam.

Malam kelmarin, Tengku Abdullah mengarahkan pihak bertanggungjawab menimbus semula kawasan bekas lombong bauksit di negeri ini, terutama berdekatan kawasan penempatan penduduk bagi mengelak kejadian tiga kanak-kanak lemas kelmarin daripada berulang.

Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, tiga kanak-kanak termasuk dua beradik iaitu Sasabella Zuhairi, 12, dan Mahathir Mohamad, 7, serta Nureen Ain Juwita Mohd Sharif, 10.

Tinjauan BH di kawasan itu juga turut mendapati ada sebuah lagi

kolam terletak satu kilometer (km) berhampiran lokasi kejadian yang lebih besar dan turut menjadi tumpuan kanak-kanak mandi.

Penduduk timbus sendiri

Sementara itu, kira-kira 20 penduduk Taman Sungai Karang Jaya dan Kampung Sungai Karang Darat mengambil inisiatif menimbus kolam bekas lombong berkenaan.

Ia juga sebagai ‘tanda protes’ kerana tidak berpuas hati dengan tindakan pengusaha lombong bauksit sebelum ini yang membiarkan kawasan berkenaan tanpa mengambil sebarang langkah keselamatan.

Gotong-royong berkenaan turut disertai bapa Nureen Ain Juwita, Mohd Sharif Awang Ngah.

Mohd Sharif berkata, tindakan itu bukan hanya untuk dirinya sahaja tetapi semua penduduk kampung dan taman yang marah dengan pengusaha lombong membiarkan kawasan itu.

“Saya harap pihak berkuasa ambil langkah segera timbus dua lombong ini sebelum lebih banyak kejadian tidak diingini,” katanya.

Keluarga mahu saman pengusaha bauksit

Kuantan: Keluarga Nureen Ain Juwita Mohd Sharif, 10, seorang daripada tiga kanak-kanak yang lemas di kolam bekas lombong bauksit di Taman Sungai Karang Jaya, dekat sini, akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak bertanggungjawab menjalankan aktiviti perlombongan bauksit di kawasan berkenaan.

Datuk mangsa, Aidil Omar, 78, berkata tindakan itu bagi memberi pengajaran terhadap pihak terbabit yang menjalankan kegiatan itu berhampiran rumah penduduk hingga menjejaskan keselamatan mereka.

“Kami akan saman pihak berkaitan dengan insiden ini. Saya sangat sedih dengan kehilangan Nureen Ain Juwita sebab dia cucu

yang sangat rapat dengan saya.

Minta nasihat wakil rakyat

“Pihak berkaitan perlu memandang serius kegiatan melombongan bauksit ini kerana ia berada di kawasan berhampiran rumah penduduk.

“Kita juga meminta bantuan nasihat wakil rakyat berhubung pelantikan penguam dan cara untuk tindakan saman ini,” katanya di sini, semalam.

Dalam kejadian berkenaan, Nureen Ain Juwita dan rakannya yang juga dua beradik, Salsabila Zuhairi, 12, serta Mahathir Mohamad, 7, lemas dalam bekas kolam bauksit itu pada jam 5 petang kelmarin.

Jenazah Nureen Ain Juwita dikebumikan di Tanah Perkuburan

Islam Sungai Karang Darat, di sini, manakala jenazah Salsabila serta Mahathir Mohamad pula dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Sungai Jarum Mas, berdekatan rumah datuk mereka di Kampung Sungai Nyiur, Trong, Taiping, kira-kira jam 10.30 pagi semalam.

Sementara itu, sumber berkata, kawasan bekas perlombongan bauksit di Taman Sungai Karang Jaya, di sini, adalah tapak perumahan yang kemudian diubah menjadi lombong selepas bauksit ditemui.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Pahang, Datuk Shahaniza Shamsuddin pula berkata, kerajaan negeri tidak pernah meluluskan permit menjalankan kegiatan perlombongan bauksit di lokasi kejadian.

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]



Zuhairi Syukor (kanan) dan isteri, Nurazilah Muzaffar Shah menyiram air mawar di kubur anak mereka, Salsabila dan Mahathir di Tanah Perkuburan Islam Sungai Jarum Mas, Taiping, semalam. Gambar kecil, Nureen Ain Juwita.